

Daim serah kepada PM

KUALA LUMPUR, Isnin – Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan kedudukannya dalam Kabinet.

“Terpulang kepada PM (Perdana Menteri) untuk memutuskannya,” katanya ketika ditanya mengenai khabar angin kononnya beliau sedia meletak jawatan sesudah memulihkan ekonomi negara.

Sambil menegaskan beliau tidak mempunyai masalah dengan Perdana Menteri, Daim berkata, jika kerajaan mempunyai calon lain yang lebih sesuai untuk menggantikannya, beliau sedia menarik diri.

“Dahulu saya dipanggil balik untuk menyertai kerajaan sesudah keluar dari Kabinet, saya masuk. Jadi sekarang tugas saya hampir selesai, kalau ada calon sesuai, saya akan keluar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pembukaan Seminar Penguatan Asas Makroekonomi, Ekonomi Malaysia anjuran bersama Sekolah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Daim berkata, tugasnya hampir selesai tetapi kerja memang tidak akan habis. “Akan sentiasa ada perkara baru yang perlu diselesaikan. Kalau kerja habis, tidak perlu ada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, tugasnya belum selesai selagi tidak membawa Malaysia merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan lapan peratus seperti yang direkodkan sebelum kegawatan.

Ditanya mengenai siapakah yang layak menggantikan beliau, Daim berkata, sentiasa ada orang yang layak menggantikan. “Saya boleh namakan beratus orang yang layak.”

Mengenai dakwaan penganalisis pasaran bahawa khabar angin mengenai peletakan jawatannya menyebabkan kelesuan pasaran biarpun sesudah kemasukan Malaysia ke dalam Indeks Morgan Stanley Capital international (MSCI), Daim berkata, khabar angin itu tidak benar.

Mengenai langkah kawalan modal berpilih, Daim berkata kerajaan tiada rancangan untuk menghapuskan langkah yang sudah terbukti mengembalikan kestabilan ekonomi negara.